

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)
(Malaysia)

Kurikulum Standard Bahasa Melayu (Tingkatan Menengah Rendah)

Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu Jawatankuasa
Kerja Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia
November 2021

Kandungan

| | |
|---|-------|
| 1. Pendahuluan | 3 |
| 2. Objektif Umum | 4 |
| 3. Kompetensi Teras..... | 5-13 |
| 4. Prinsip Asas..... | 14 |
| 5. Objektif Kurikulum | 15-16 |
| 6. Konsep Kurikulum | 17-18 |
| 7. Kandungan Kurikulum | 19-28 |
| 8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran | 29-30 |
| 9. Cadangan Pentaksiran | 31-37 |
| 10. Pelaksanaan | 38-39 |
| 11. Lampiran | |
| Lampiran 1..... | 40 |
| Lampiran 2..... | 41-42 |
| Lampiran 3 | 43-49 |
| Lampiran 4 | 50-51 |
| Lampiran 5 | 52 |
| 12. Senarai Rujukan..... | 53 |

1. Pendahuluan

“Guru Berdedikasi, Pelajar Berprestasi Tinggi” merupakan visi pendidikan yang disarankan dalam ‘Pelan Induk Pendidikan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)’. Visi pendidikan tersebut adalah untuk menjadikan SMPC sebagai taman pembelajaran yang selesa dan kondusif untuk guru dan pelajar menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setiap pelajar yang mendapat pendidikan di SMPC sihat dan aktif dalam pembelajaran. Pelajar SMPC bukan sahaja dapat bersaing di tanah air sendiri, malahan dapat bertanding di arena antarabangsa. Lantaran itu, pendidikan SMPC mampu menjamin masa depan pelajar. Objektif pembaharuan kurikulum bertujuan untuk memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika secara holistik serta berupaya membangunkan tanggapan kendiri yang positif. Usaha ini dijangka dapat melahirkan pelajar yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan nilai kendiri, berani meneroka, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat, bangsa, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan. Demi menerapkan visi dan objektif tersebut, Jawatankuasa Kurikulum Bersepadu telah mengemukakan Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum SMPC (disingkatkan sebagai ‘Garis Panduan’ dalam perbincangan seterusnya) pada Mac 2020 untuk menentukan hala tuju pelaksanaan pembaharuan dan pengembangan kurikulum SMPC.

Matlamat pembaharuan kurikulum SMPC adalah untuk melahirkan ‘pengamal pembelajaran sepanjang hayat’. Rombakan ini juga menitikberatkan kandungan kurikulum setiap mata pelajaran dan mewujudkan peluang pembelajaran merentas kurikulum demi memupuk pembelajaran kendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam aktiviti masyarakat dalam kalangan pelajar. Kurikulum standard setiap mata pelajaran digubal mengikut prinsip dan hala tuju yang dbincangkan dalam Garis Panduan dan memperlengkap prinsip asas, objektif, kompetensi, konsep kurikulum, kandungan kurikulum, cadangan pengajaran dan pembelajaran serta cadangan pentaksiran yang terkandung dalam kurikulum standard. Dari aspek pelaksanaan kurikulum, keanjalan dan pilihan, pembelajaran koperatif, pembelajaran berdasarkan projek, pembelajaran berdasarkan inkuiri dan sebagainya haruslah dititikberatkan. Dari aspek pentaksiran, penggunaan pelbagai bentuk penilaian digalakkan supaya dapat mencungkil potensi pelajar dalam pelbagai bidang. Penggubalan kurikulum standard SMPC hendaklah selaras dengan visi Pelan Induk Pendidikan SMPC dan cadangan Garis Panduan.

2. Objektif Umum

Pendidikan SMPC ialah usaha yang berterusan. Selain mewariskan nilai kebudayaan Cina, pendidikan SMPC juga memperkembang potensi setiap pelajar dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika secara holistik dan mempunyai personaliti yang tersendiri. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang dapat mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan nilai kendiri, berani meneroka, berinovasi, berani menyahut cabaran, berkeyakinan, dan mempunyai semangat kerja berpasukan. Selain itu, pelajar juga mampu mengejar kebahagiaan dalam hidup dan juga bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara demi mewujudkan keharmonian, kemakmuran, kemajuan, kebebasan, dan kesaksamaan¹.

2.1. Objektif Pendidikan di Peringkat Menengah Rendah(TMR)

- a. Mengembangkan keupayaan pelajar untuk mencapai keseimbangan dalam pembangunan secara holistik dan berkeperibadian dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika.
- b. Memupuk kemampuan pelajar untuk belajar, membaca, dan menaakul supaya membuat persediaan untuk pembelajaran kendiri.
- c. Memastikan pelajar mencapai tahap asas dari segi kognitif, psikomotor, dan afektif serta mencungkil potensi pelajar dan mengejar prestasi yang cemerlang.
- d. Membentuk pelajar yang bersikap positif dan proaktif dalam kehidupan.
- e. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang dapat mengenali dan memahami bahasa, budaya, dan agama pelbagai kaum di Malaysia serta membimbing pelajar menghormati kepelbagaian budaya, mempunyai jati diri, dan berperspektif global.

2.2. Objektif Pendidikan di Peringkat Menengah Tinggi (TMT)

- a. Mengembangkan kebolehan pelajar mengikut kesesuaian peribadi dari aspek rohani, intelek, jasmani, sosial, dan estetika supaya bersiap sedia untuk melanjutkan pelajaran, menceburi bidang kerjaya dan keusahawanan serta kehidupan baharu pada masa hadapan.
- b. Melengkapkan pelajar dalam pengukuhan pembelajaran kendiri, memupuk tabiat mencari ilmu, dan menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- c. Memupuk semangat pelajar untuk mengejar kecemerlangan dan altruistik, demi mencapai kesejahteraan diri sendiri, masyarakat, negara serta manusia sejagat.

¹ Dong Zong. (2018). *Pelan Induk Pendidikan SMPC*, (p. 49). Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia.

- d. Membimbing pelajar supaya lebih mengenali diri sendiri dan berkeyakinan menghadapi masa hadapan serta berkemampuan menangani perubahan masyarakat dan peralihan zaman.
- e. Memupuk sikap pelajar supaya berkomitmen terhadap keluarga, bangsa, masyarakat, dan negara serta menghormati kepelbagaiannya budaya dan berperspektif global.
- f. Menyediakan ruang kepada pelajar untuk menyertai kegiatan pelbagai budaya supaya pelajar dapat belajar dan berinteraksi dalam masyarakat majmuk.

3. Kompetensi Teras

Garis Panduan digubal berdasarkan sembilan kompetensi teras, iaitu enam kompetensi teras yang disarankan dalam Pelan Induk Pendidikan SMPC² dan ditambahkan lagi tiga kompetensi untuk tujuan pembangunan kurikulum. Kompetensi ini menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, nilai dan sikap. Kandungan kompetensi teras ini diuraikan di bahagian rancangan kurikulum TMT dan TMR.

Rajah 1: Kerangka Kompetensi Teras



² Dong Zong. (2018). *Pelan Induk Pendidikan SMPC* (pp. 40-41). Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia.

Rajah 1 memaparkan matlamat kurikulum SMPC untuk melahirkan individu yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat. Matlamat ini disepadukan dengan tiga prinsip utama, iaitu pembelajaran kendiri, komunikasi dan bekerjasama serta keterlibatan dalam masyarakat. Warna bagi lingkungan luar Struktur Kompetensi Teras merupakan warna spektrum yang menunjukkan gabungan sembilan kompetensi teras dengan tiga prinsip utama. Garis di dalam dan di luar lingkungan yang tidak sejajar menjelaskan bahawa setiap kompetensi teras berhubung kait dengan pelaksanaan ketiga-tiga prinsip utama. Berdasarkan prinsip pengintegrasian yang menyeluruh dan juga mempertimbangkan kemampuan pelaksanaannya, Garis Panduan akan mempromosikan setiap prinsip utama dengan tiga kompetensi. Keterangan lanjut dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kandungan Kompetensi Teras dan Profil Pelajar TMR dan TMT

| Prinsip Asas | Kompetensi Teras | Keterangan | TMR | TMT | Profil Pelajar |
|---------------------------------------|---|--|--|---|---|
| A Pembelajaran Kendiri | A1. Keseimbangan Fizikal dan Mental serta Estetika | Berkemampuan menjaga kesihatan fizikal dan mental demi perkembangan yang seimbang, dapat menghayati keindahan kehidupan, mengaplikasi pengalaman pembelajaran dan kehidupan, membuat penyesuaian pada setiap peringkat kehidupan yang dikehendaki untuk kesihatan fizikal dan mental, sikap positif dan proaktif demi kebahagiaan dalam kehidupan. | Sedar akan kepentingan perkembangan fizikal dan mental diri yang sihat, mengenali nilai keindahan, mengenali harga diri dalam kehidupan, menunjukkan kekayaan dan pengalaman kehidupan, sikap proaktif untuk menghadapi makna hidup. | Mempertingkatkan perkembangan fizikal dan mental, menghayati keindahan dan kebaikan manusia dan persekitaran, berkeyakinan dengan harga diri, memahami hala tuju kehidupan, menikmati kehidupan, sentiasa meningkatkan kemajuan kendiri untuk mencipta kebahagiaan dalam kehidupan. | Individu yang Sayangi Diri Sendiri |
| | A2. Pemanfaatan Ilmu Pengetahuan | Menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira serta kemahiran | Mempunyai ilmu pengetahuan dan mengenali pelbagai | Berkemampuan mengaplikasi penggunaan simbol | Individu yang Berpengetahuan |

| | | | | | |
|--|---|---|--|---|--|
| | dan Penggunaan Teknologi | hidup, menguasai mata pelajaran teras seperti bahasa Cina, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, dan Sejarah, mempelajari dan memahami pengetahuan bidang lain, memanfaatkan teknologi maklumat untuk menjalankan komunikasi dan interaksi supaya mencapai pembangunan secara keseluruhan, serta mengaplikasikannya dalam pembelajaran demi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengatasi masalah pembelajaran. | jenis simbol komunikasi, serta dapat mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat, menyelesaikan masalah kehidupan dan berinteraksi. | komunikasi dan teknologi maklumat serta dapat menguasai ilmu pengetahuan sesuatu bidang secara mendalam dan dapat berkongsi pengalaman dan pendapat serta berfikir kreatif dan mampu menyelesaikan masalah. | |
| | A3. Pemikiran Kreatif dan Penyelesaian Masalah | Berkemampuan meneroka, berfikiran secara kritis dan kreatif, menguasai kemahiran pembelajaran kendiri untuk menangani masalah kehidupan harian dan dapat membuat keputusan dalam perubahan masyarakat. | Mempunyai kemahiran aras tinggi seperti pembelajaran kendiri, berfikiran secara kritis dan kreatif, menggunakan strategi yang sesuai untuk mengatasi urusan harian dan isu | Mempunyai kemahiran aras tinggi, berfikiran secara kritis dan kreatif dengan lebih mendalam, mengamalkan pembelajaran kendiri, meneroka bidang yang baharu, dapat menyelesaikan masalah harian dan | Individu yang Mampu Menyelesaikan Masalah |


| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | dalam kehidupan. | cabaran dalam kehidupan. | |
| B Komunikasi dan Bekerjasama | B1. Sikap Proaktif dan Nilai Positif | Mempunyai nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif dalam menghadapi cabaran dan rintangan kehidupan harian dan pembelajaran, sedar akan kepentingan mengamalkan tanggungjawab masyarakat, berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi cabaran dan rintangan, dapat menerima perbezaan dan dapat menangani konflik. | Menerokai antara nilai diri sendiri persekitarannya dengan nilai mengamati perbezaan antara nilai diri sendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menerima perbezaan antara diri sendiri dengan orang lain, memupuk nilai hormat-menghormati, bertanggungjawab, rajin dan berfikiran positif. | Mempunyai nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan menghargai perbezaan sikap dan fikiran antara diri dengan orang lain, meneroka antara nilai kendiri dengan nilai persekitarannya, berusaha menangani konflik dan mengamalkan nilai baik dan bersikap positif serta berani membuat keputusan yang rasional semasa menghadapi cabaran dan rintangan. | Individu yang Mempunyai Kasih Sayang |
| | B2. Kepemimpinan dan Berpasukan | Mempunyai daya kepimpinan, dapat bekerjasama dengan berkesan dan membina hubungan dan interaksi yang baik dengan orang lain, berkemampuan berkomunikasi dan koordinasi, menyertai aktiviti dan khidmat | Berkemampuan dalam pengurusan diri dan mempunyai tabiat yang baik, bantu-membantu, menjalinkan hubungan yang baik, dapat menjalankan tugas melalui kerja berpasukan. | Bersikap empati, berkemampuan menilai dan bersosial, meningkatkan kemampuan berkomunikasi dan koordinasi serta kerja berpasukan, dapat berinteraksi dan bekerjasama dengan baik, mempunyai | Individu yang Boleh Kerja Berpasukan |

| | | | | | |
|--|---|--|---|--|--|
| | | masyarakat serta kerja-kerja berpasukan. | | rancangan dan kaedah untuk menjalankan tugas. | |
| | B3. Kompetensi Bahasa dan Berkomunikasi | Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran Bahasa Cina, memupuk semangat kenegaraan melalui penguasaan bahasa Melayu, menguasai bahasa Inggeris untuk kegunaan peringkat antarabangsa, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa serta dapat menggunakan bahasa yang dipelajari dengan baik dalam pelbagai situasi demi mewujudkan komunikasi yang berkesan. | Mengenali budaya, adat resam, dan agama sesuatu bahasa, mewarisi nilai budaya Cina melalui pembelajaran bahasa Cina, dapat berkawan dengan bangsa lain dengan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mempertingkat kemahiran bertutur, membaca dan menulis, sedar akan kepentingan peranan bahasa untuk mewarisi sesuatu budaya dan untuk berkomunikasi. | Menguasai dan menghayati keindahan bahasa Cina, melalui penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengenali budaya, adat resam, agama yang terdapat di dalam dan di luar negara, berkemampuan menguasai pelbagai bahasa asing demi kegunaan dalam pembelajaran dan kerjaya pada masa depan. | Individu yang Mahir Berkomunikasi |
| C Keterlibatan dalam Masyarakat | C1. Nilai Etika dan Keprihatinan Kemanusiaan | Berakh�ak mulia, akauntabiliti, sedar akan tindakan meningkatkan status sendiri adalah tanggungjawab terhadap masyarakat, sentiasa menyempurnakan | Berakh�ak mulia, akauntabiliti, bersikap positif untuk melaksanakan perubahan, bersikap terbuka untuk | Prihatin terhadap isu-isu semasa, berdisiplin, peramah, bertoleransi, mengemukakan pendapat dengan cara yang baik terhadap | Individu yang Bersikap Terbuka |

| | | | | |
|---|--|--|---|--|
| | karakter sendiri melalui pembelajaran, bersikap terbuka, dan menghormati orang untuk kebebasan bersuara. | berbincang dan menerima pandangan orang lain, menghormati keputusan seseorang. | isu-isu masyarakat, melihat isu-isu semasa daripada pelbagai sudut. | |
| C2. Patriotisme dan Kepelbagaian Budaya | Menghargai budaya masyarakat sendiri, memahami dan menghormati budaya masyarakat bangsa lain, berintegrasi, mengetahui sejarah negara, menerima kepelbagaian budaya dalam negara, bangga dan bertanggungjawab sebagai warganegara, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan. | Memahami budaya sendiri, memahami dan menerima budaya masyarakat bangsa lain, menghormati perbezaan, mengambil berat isu hal negara, aktif dalam pembangunan dan khidmat masyarakat. | Menghargai budaya masyarakat sendiri, menghormati dan menghayati perbezaan antara pelbagai budaya, mempunyai tanggungjawab sebagai wargenegera, berusaha menjaga keharmonian dan perpaduan, aktif dalam pembangunan masyarakat dan negara demi kesejahteraan. | Individu yang Bersemangat Patriotik |
| C3. Bervisi Global dan Pembangunan Secara Mampan | Keprihatinan tentang isu global dan keadaan antarabangsa serta isu persekitaran, ekonomi dan masalah masyarakat, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan, berkonsepkan pembangunan lestari dan | Mengenali isu global dan keadaan dunia, dapat meluahkan pendapat tentang isu-isu alam sekitar, ekonomi dan sosial, mengamalkan kehidupan yang dapat menjaga alam sekitar dan | Berkemampuan memberikan pendapat mengenai isu-isu global dan keadaan dunia, boleh berdebat tentang isu persekitaran, ekonomi dan masalah sosial, menjaga alam sekitar demi kesejahteraan, | Individu yang Berkonsep Pembangunan Lestari |

| | | | | | |
|--|--|-------------------------|---|---|--|
| | | menghargai sumber bumi. | menghargai sumber bumi, mengambil berat akan isu alam sekitar dan isu dalam masyarakat. | menyertai kempen melindungi alam sekitar dan aktiviti menegakkan keadilan masyarakat. | |
|--|--|-------------------------|---|---|--|

Hubungan antara Prinsip Asas, Kompetensi Teras dan Objektif Pendidikan



4. Prinsip Asas

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) merupakan lanjutan pendidikan bahasa ibunda Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Malaysia. Selaras dengan matlamat penubuhannya, bahasa Cina digunakan sebagai bahasa pengantar di SMPC. Walaupun bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di SMPC, namun bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi ini tetap merupakan mata pelajaran teras di SMPC dan pengajaran bahasa Melayu serta juga dititikberatkan. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu baku juga ditekankan dan diutamakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Kurikulum Standard Bahasa Melayu SMPC baru ini turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya hingga terhasil Kurikulum Standard Bahasa Melayu yang diketengahkan ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi. Kurikulum Standard ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh pelajar-pelajar SMPC. Sejakar dengan pembaharuan ini, pendidikan SMPC mempunyai ciri-ciri tersendiri yang berpandukan tiga domain iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Domain kognitif termasuklah pengetahuan bahasa, sistem bahasa dan budaya bahasa. Domain psikomotor merangkumi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Domain afektif pula menitikberatkan nilai dan sikap pembelajaran pelajar. Kurikulum Standard ini berorientasikan kompetensi yang mementingkan sikap pembelajaran pelajar misalnya membolehkan pelajar bersikap belajar kendiri, boleh berkomunikasi, boleh terlibat dalam sosial dan pada akhirnya boleh melahirkan pelajar yang dapat menjalankan pembelajaran sepanjang hayat.

Matlamat terakhir Kurikulum Bahasa Melayu SMPC baru ini adalah boleh melahirkan pelajar yang berminat dalam pembelajaran Bahasa Melayu, dapat menguasai penggunaan Bahasa Melayu dengan betul dan tepat, dan mahir menggunakan keempat-empat kemahiran Bahasa dengan baik iaitu, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

5. Objektif Kurikulum

Kurikulum Standard Bahasa Melayu SMPC ini digubal berdasarkan literasi teras yang mementingkan penguasaan secara menyeluruh bagi tiga domain iaitu kognitif, psikomotor, dan afektif. Penggubalan kurikulum ini adalah untuk membolehkan pelajar berketerampilan berbahasa dan berkomunikasi secara bersemuka atau dalam talian seperti penggunaan aplikasi media sosial. Tujuan perbincangan dijalankan adalah untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran, mendapatkan maklumat, mengamalkan nilai dan menjanakan idea serta menjalin hubungan sosial dalam kehidupan harian.

5.1. Keselarasan Objektif Kurikulum Bahasa Melayu TMT dengan Kompetensi Teras SMPC

| | | Objektif Kurikulum Pada akhir pelajaran bahasa Melayu pelajar dapat: | | |
|------------------------------------|---|---|--|--|
| A Pembelajaran Kendiri | A1. Keseimbangan fizikal dan mental serta literasi estetik | CO1 | Mempunyai kemampuan untuk mempersebahkan prosa dan puisi dalam pelbagai media bahasa Melayu serta dapat menikmati dan menghayati literasi apresiasi kesusastraan dan kesenian bahasa Melayu | |
| | A2. Pemanfaatan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi | CO2 | Mempunyai kemampuan menggunakan pelbagai media teknologi maklumat untuk menjalankan pembelajaran kendiri, dan dapat meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis serta memahami kepelbagaiannya adat budaya | |
| | A3. Pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah | CO3 | Memiliki kemampuan berfikir kreatif, memanfaatkan pelbagai strategi, meningkatkan kecekapan dan kualiti pembelajaran bahasa Melayu, serta menggunakan kaedah, strategi dan teknik yang pernah anda pelajari untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian | |
| B Komunikasi dan Bekerjasama | B1. Sikap Proaktif dan Nilai Positif | CO4 | Membaca pelbagai jenis bahan bacaan dan menanamkan nilai murni, mengambil perhatian serta peka terhadap alam persekitaran | |

| | | | |
|--|---|-----|---|
| | B2. Kepemimpinan dan Berpasukan | CO5 | Berkomunikasi dan keterlibatan secara aktif dalam aktiviti pembelajaran kumpulan di dalam kelas dan di luar kelas supaya dapat memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan |
| | B3. Kompetensi bahasa dan Berkomunikasi | CO6 | Berkemahiran dalam mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dalam bahasa Melayu, boleh berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang ramai dengan menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan tepat |
| C Keterlibatan dalam Masyarakat | C1. Nilai Etika dan Keprihatinan Kemanusiaan | CO7 | Mengamalkan tingkah laku yang baik dalam pembelajaran dalam kelas dan aktiviti luar kelas, bersikap menghormati rakan dan menerima pandangan orang lain dengan hati terbuka |
| | C2. Patriotisme dan Kepelbagaian Budaya | CO8 | Menghormati dan menerima adat, budaya kaum yang berbeza sepetimana negara Malaysia yang mempunyai kepelbagaian budaya dan bersikap cinta akan negara |
| | C3. Bervisi global dan Pembangunan Secara Mampan | CO9 | Membaca bahan-bahan bacaan berunsur akademik, yang mempunyai perspektif antarabangsa dan berkonsepkan desa global yang meliputi budaya, adat resam, masyarakat, pendidikan dan sebagainya |

6. Konsep Kurikulum

6.1. Reka Cipta Kurikulum

Kurikulum Standard Bahasa Melayu TMR SMPK baharu ini memberikan tumpuan untuk memperkuuh kemahiran berbahasa yang dicapai di sekolah rendah ke tahap yang lebih tinggi. Peningkatan kecekapan ini mencakupi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur ditekankan dengan memasukkan bahan rangsangan dalam setiap unit supaya membolehkan pelajar berketerampilan dalam berkomunikasi, menyampaikan maklumat, pendapat dan hujah secara kritis. Manakala melalui kemahiran membaca lapan peta pemikiran *i-Think* diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membantu guru menyampaikan kandungan kurikulum yang sedia ada dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk yang lebih bermakna dan membolehkan pelajar memahami kognitif yang abstrak melalui bentuk visual yang konkret. Setiap peta pemikiran mampu menjanakan idea dan membangunkan proses pemikiran pelajar dalam aktiviti tertentu. Penggunaan peta pemikiran secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran akan membudayakan kemahiran berfikir ke arah membangunkan Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT). Penguasaan kemahiran menulis pula membolehkan pelajar mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan, menghasilkan bahan kreatif pelbagai genre, menyampaikan idea dalam pelbagai bentuk, meningkatkan kosa kata, ungkapan, penggunaan tatabahasa, dan laras bahasa yang sesuai dalam penulisan.

Untuk melahirkan pelajar yang berminat dalam pembelajaran bahasa Melayu, pendekatan berbentuk modular digunakan. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran dan nilai. Standard kandungan bahasa Melayu TMR disampaikan dalam lapan tema, setiap tema mempunyai dua unit, kesemuanya mempunyai 16 unit bagi setiap tingkatan. Lapan tema yang dipilih ini merangkumi isu semasa, isu kesihatan, isu masyarakat dan isu global yang mesra pelajar. Aktiviti-aktiviti pembelajaran abad ke-21 seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan projek, dan pembelajaran berasaskan masalah diutamakan supaya dapat melaksanakan strategi didik hibur yang berkesan di dalam kelas. Strategi didik hibur merupakan transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas kerana proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif dan berpusatkan pelajar. Elemen Merentas Kurikulum turut diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam standard kandungan. Penerapan elemen ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Pengisian kurikulum tersebut merangkumi perkara-perkara seperti Sains dan Teknologi, Teknologi Maklumat, Matematik, Sosial Sains dan Sejarah.

Selain empat kemahiran asas berbahasa, Kurikulum Bahasa Melayu juga memberi tumpuan kepada pengetahuan bahasa yang berfokus kepada pembelajaran

tatabahasa, kosa kata, peribahasa, sebutan, dan intonasi. Penguasaan tatabahasa yang baik membantu pelajar berkomunikasi menggunakan sistem bahasa yang betul dan tepat serta menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis, dan kreatif. Manakala dalam aspek seni bahasa pula, pelajar dapat mengapresiasi, menghayati, menikmati, mencipta dan mempersesembahkan karya dalam pengucapan kreatif dengan menggunakan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik persembahan yang santai dan menyeronokkan.

Kurikulum Standard Bahasa Melayu SMPC ini menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, dan bahasa ilmu di negara kita serta menjadi pemangkin memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa, bangsa, dan negara yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

7. Kandungan Kurikulum

Standard Kandungan Bahasa Melayu TMR SMPC digubal dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Buku Panduan Standard Kurikulum Bidang Bahasa bagi kurikulum *International Baccalaureate* (IB), Standard Kurikulum bidang bahasa negara China, dan Standard Kurikulum bidang bahasa negara Taiwan. Standard Kandungan ini mengandungi lapan tema iaitu Kesihatan dan Kebersihan, Literasi Bahasa dan Komunikasi, Pengiktirafan Negara dan Kepelbaaan Warisan, Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Perspektif Global dan Pelestarian Alam, Sikap Gigih dan Nilai-Nilai Positif, dan Kemanusiaan. Pernyataan spesifik tentang perkara yang patut diketahui pelajar dan boleh dilakukan dalam waktu persekolahan menengah rendah satu, menengah rendah dua, dan menengah rendah tiga merangkumi aspek kemahiran bahasa, sistem bahasa, penggunaan bahasa, dan budaya bahasa. (sila rujuk lampiran 2)

7.1. Standard Kandungan

| Tema | Perkara | Pernyataan | |
|---------------------|-------------------------|--|--|
| 1. Kemahiran Bahasa | 1.1 Kemahiran Mendengar | 1.1.1. mengenal sebutan dan intonasi kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan ayat tunggal, dan ayat majmuk, dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks | |
| | | 1.1.2. memahami maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks | |
| | | 1.1.3. memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang tepat, bermakna dan bertatasusila | |
| | | 1.1.4. mencatat nota dengan isi dan fakta dengan betul dan tepat | |
| | | 1.1.5. memahami, dan menyusun panduan, tunjuk cara, dan arahan dengan memberikan respons yang sesuai dan bermakna | |
| | | 1.1.6. memahami dan menganalisis maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang tepat, bermakna dan bertatasusila | |
| | 1.2 Kemahiran Bertutur | 1.2.1. Berbual tentang kegiatan harian dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila | |

| | | |
|--|-----------------------|--|
| | | <p>1.2.2. Mengemukakan soalan dan jawapan yang sesuai dan tepat dalam perbualan secara bertatasusila</p> <p>1.2.3. Mengemukakan pelbagai soalan dan memberikan jawapan yang sesuai dan tepat dalam perbualan secara bertatasusila</p> <p>1.2.4. Berbincang dan berunding untuk mencapai sesuatu persetujuan secara rasional dan bertatasusila</p> <p>1.2.5. Bertutur mengikut situasi yang diberi secara bertatasusila</p> <p>1.2.6. Menerangkan sesuatu secara jelas, tepat, dan bernes</p> <p>1.2.7. Menerangkan dan mengulas serta membentangkan sesuatu secara jelas, tepat, dan bernes</p> <p>1.2.8. Berbual dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu isu dengan menggunakan sebutan yang betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila</p> |
| | 1.3 Kemahiran Membaca | <p>1.2.9. Berbicara untuk menganalisis maklumat yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila</p> <p>1.3.1. Membaca rencana, petikan, bahan rangsangan dan karya sastera secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul, lancar serta fasih</p> <p>1.3.2. Membaca untuk memahami makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan betul dan tepat</p> <p>1.3.3. Membaca untuk memahami makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan menggunakan teknik bacaan yang betul dan tepat</p> <p>1.3.4. Membaca dan memahami maklumat dalam petikan atau bahan grafik dengan betul, tepat dan bernes</p> <p>1.3.5. Membaca, memahami, dan menaakul maklumat petikan dan bahan grafik dengan betul, tepat, dan bernes</p> <p>1.3.6. Membaca, memahami, menaakul, dan mengulas maklumat petikan dan bahan grafik dengan betul, tepat, dan bernes</p> <p>1.3.7. Membaca secara ekstensif bagi mengukuhkan kelancaran membaca dengan menggunakan teknik bacaan yang betul dan tepat serta fasih</p> |

| | | |
|-----------------------|---------------|---|
| | | <p>1.3.8. Membaca secara ekstensif pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan meluaskan serta menambah ilmu pengetahuan</p> <p>1.3.9. Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan dan mengukuhkan penguasaan kosa kata dan ungkapan menarik, memahami bahan bacaan dan menghayati bahan bacaan</p> |
| 1.4 Kemahiran Menulis | | <p>1.4.1. Menulis untuk menerangkan maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah dan ungkapan dengan betul mengikut konteks dan tahap</p> <p>1.4.2. Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara dengan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks</p> <p>1.4.3. Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara secara terancang dengan menggunakan bahasa yang tepat dan menarik</p> <p>1.4.4. Merumus pelbagai bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis</p> |
| | | <p>1.4.5. Menghasilkan sesuatu prosa secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat dan gramatis mengikut konteks dan tahap</p> |
| | | <p>1.4.6. Menghasilkan sesuatu prosa atau karya secara terancang, tertib, logik, kritis, kreatif ,dan kemas dengan menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik mengikut konteks dan tahap</p> |
| | | <p>1.4.7. Mengolah maklumat dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis</p> |
| | | <p>1.4.8. Mengenal pasti dan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa dalam ayat</p> |
| | | <p>1.4.9. Mengenal pasti dan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal perenggan</p> |
| | | <p>1.4.10. Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap</p> |
| 2. Sistem Bahasa | 2.1 Morfologi | <p>2.1.1. Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dan pembentukan kata dengan betul mengikut konteks</p> |

| | | |
|----------------------|-------------------|--|
| | | <p>2.1.2. Memahami dan menggunakan kata banyak makna, kata hampir sama makna, penggunaan kata yang tepat dengan betul mengikut konteks</p> <p>2.1.3. Memahami dan menggunakan peribahasa dan ungkapan menarik dalam komunikasi dan penulisan dengan betul, tepat, dan mengikut konteks</p> <p>2.1.4. Memahami dan menggunakan imbuhan awalan, dengan betul mengikut konteks</p> <p>2.1.5. Memahami dan menggunakan imbuhan akhiran, apitan dan imbuhan sisipan dengan betul mengikut konteks</p> <p>2.1.6. Memahami dan menggunakan imbuhan, dan imbuhan pinjaman dengan betul mengikut konteks</p> |
| | 2.2 Sintaksis | <p>2.2.1. Memahami dan membina pelbagai jenis ayat dengan betul mengikut konteks</p> <p>2.2.2. Memahami dan menggunakan pelbagai jenis ayat dengan betul mengikut konteks</p> <p>2.2.3. Memahami struktur binaan ayat tunggal</p> <p>2.2.4. Memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk pelbagai jenis ayat dengan tepat mengikut konteks</p> <p>2.2.5. Mengesan dan membetulkan kesalahan umum tatabahasa dengan betul mengikut konteks</p> <p>2.2.6. Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks</p> <p>2.2.7. Memahami dan menggunakan tanda baca dengan betul mengikut konteks</p> |
| 3. Penggunaan Bahasa | 3.1 Jenis Petikan | <p>3.1.1. Membaca teks jenis berformat dan teks jenis tidak berformat dengan betul dan tepat</p> <p>3.1.2. Dapat membezakan teks jenis berformat dan teks jenis tidak berformat dengan betul dan tepat</p> |

| | | |
|------------------|-------------------------------|---|
| | | 3.1.3. Dapat menulis teks jenis berformat dan teks jenis tidak berformat dengan betul dan tepat berpandukan arahan yang diberikan dan mengikut situasi serta konteks tertentu |
| | 3.2 Bahan Grafik/ Bukan Gafik | 3.2.1. Membaca dan memahami maklumat dalam bahan grafik atau bahan bukan grafik dengan betul, tepat dan bernes |
| | | 3.2.2. Membaca, memahami dan menaakul maklumat dalam bahan grafik atau bahan bukan grafik dengan betul, tepat, dan bernes |
| | | 3.2.3. Membaca, memahami, menaakul, dan mengulas maklumat dalam bahan grafik atau bahan bukan grafik dengan betul, tepat, dan bernes |
| | | 3.2.4. Merumus pelbagai bahan grafik atau bahan bukan grafik dengan menggunakan ayat yang betul dan gramatis |
| 4. Budaya Bahasa | 4.1 Sastera dan budaya | 4.1.1. Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut tahap |
| | | 4.1.2. Memahami ciri-ciri puisi moden dan puisi tradisional |
| | | 4.1.3. Memahami dan menghayati karya sastera dari aspek maksud, sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional |
| | | 4.1.4. Mempersembahkan prosa dan puisi dalam pelbagai media secara kreatif, menarik, dan berkesan |
| | | 4.1.5. Mengenali pengarang dan hasil karya pengarang |
| | | 4.1.6. Memahami dan menghayati kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum |
| | | 4.1.7. Membaca dan memahami pelbagai prosa dan puisi serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat |
| | | 4.1.8. Membaca dan memahami makna pelbagai teks sastera untuk menaakul dan meneroka maksud keseluruhan dan maklumat baharu |
| | | 4.1.9. Menghayati dan menghargai ilmu kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum |

7.2. Standard Pembelajaran

| Domain | Kognitif (C) | Psikomotor (P) | Afektif (A) |
|----------------|--------------------------|---------------------------|---|
| Perkara | Ca Sistem Bahasa | Pa Kemahiran Mendengar | Aa Berminat dalam Pembelajaran dan Berkeyakinan dalam Pembelajaran |
| | Cb Pengetahuan Bahasa | Pb Kemahiran Bertutur | Ab Pembelajaran Kendiri dan Pembelajaran Sepanjang Hayat |
| | Cc Budaya Bahasa | Pc Kemahiran Membaca | Ac Pandangan Terbuka dan Pandangan Jauh |
| | | Pd Kemahiran Menulis | |

7.3. Penerangan Standard Pembelajaran

| Domain | Perkara | Pernyataan |
|----------------|-----------------------|---|
| Kognitif (C) | Ca Sistem Bahasa | <ul style="list-style-type: none"> I. Kebolehan mengenal pasti dan membezakan sebutan, intonasi dan jeda supaya dapat menyampaikan maksud dengan tepat II. Menguasai pelbagai kosa kata supaya pelajar dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran III. Menguasai aspek morfologi dalam bahasa Melayu IV. Menguasai aspek sintaksis dalam bahasa Melayu |
| | Cb Pengetahuan Bahasa | <ul style="list-style-type: none"> I. Penukaran atau perubahan idea, pendapat, pandangan dalam proses komunikasi berdasarkan situasi II. Memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai jenis petikan grafik dan bukan grafik III. Menggunakan komunikasi lisan, tulisan dan bahan grafik, serta bahasa badan berpadanan dengan budaya dan tradisi masyarakat penutur asli |

| | | |
|--|------------------|--|
| | Cc Budaya Bahasa | <p>I. Budaya Melayu merupakan siri kepercayaan bersama, nilai-nilai murni, minat, sikap, hasil ciptaan, cara pengenalan, corak tingkah laku, ciptaan manusia</p> <p>II. Budaya Melayu juga meliputi aspek kebendaan dan aspek kerohanian. Aspek kebendaan termasuklah budaya makan, pakaian, pembinaan, pengangkutan dan alat-alat ciptaan. Aspek kerohanian pula termasuklah falsafah, sains, pendidikan, sejarah, astronomi, kesenian, nilai-nilai murni, literasi moral, estetika, statut sosial dan adat resam kaum-kaum Melayu</p> <p>III. Memahami peribahasa dan simpulan bahasa bahasa Melayu yang lazim digunakan secara mendalam dalam kebudayaan kaum Melayu</p> <p>IV. Menikmati dan menghayati karya sastera yang baik dengan memupuk sikap gigih dan aktif dalam kehidupan serta mendapat pengajaran dalam karya sastera yang dibaca</p> |
|--|------------------|--|

| Domain | Perkara | Pernyataan |
|-------------------|--------------|---|
| Psikomotor (P) | Pa Mendengar | <p>I. Mengenal sebutan dan intonasi kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan, ayat tunggal, ayat majmuk dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat</p> <p>II. Memahami maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah, ayat tunggal, ayat majmuk, dan ungkapan dengan betul dan tepat</p> <p>III. Memahami dan memperoleh maklumat, fakta dan idea dalam pelbagai jenis ujaran dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna</p> <p>IV. Mendengar dan mencatat nota dengan isi dan fakta dengan betul dan tepat</p> |
| | Pb Bertutur | <p>I. Berbual tentang kegiatan harian dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila</p> <p>II. Berbual tentang sesuatu isu dengan menggunakan sebutan yang betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila</p> |

| | | |
|------------|--|---|
| | | <p>III. Menyampaikan pendapat dalam bentuk, isi, fakta, dan maklumat dengan menggunakan ayat yang gramatis dan bertatususila</p> <p>IV. Berbincang dan berunding untuk mencapai sesuatu persetujuan secara rasional dan bertatususila</p> |
| Pc Membaca | | <p>I. Membaca rencana, petikan, bahan rangsangan dan karya sastera secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul</p> <p>II. Membaca untuk memahami makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan betul</p> <p>III. Membaca dan memahami maklumat dalam petikan atau bahan grafik dengan betul, tepat dan bernas</p> <p>IV. Membaca secara ekstensif bagi mengukuhkan kelancaran membaca dengan menggunakan teknik bacaan yang betul</p> <p>V. Membaca secara ekstensif pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan meluaskan serta menambah ilmu pengetahuan</p> |
| Pd Menulis | | <p>I. Menulis untuk menerangkan maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah dan ungkapan dengan betul mengikut konteks dan tahap</p> <p>II. Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara dengan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks</p> <p>III. Merumus pelbagai bahan grafik dan bukan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis</p> <p>IV. Menghasilkan sesuatu prosa secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat dan gramatis mengikut konteks dan tahap</p> <p>V. Mengolah maklumat dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis</p> <p>VI. Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap</p> |

| Domain | Perkara | Pernyataan |
|---------------|---|---|
| Afektif (A) | Aa Berminat dalam pembelajaran dan Berkeyakinan dalam pembelajaran | I. Berminat dan berkeyakinan dalam pembelajaran bahasa Melayu |
| | Ab Pembelajaran Kendiri dan Pembelajaran Sepanjang Hayat | I. Kaedah pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk menguasai dan mengukuhkan pembelajaran kendiri dan pembelajaran sepanjang hayat |
| | Ac Pandangan terbuka dan Pandangan jauh | I. Pemupukan sikap berpandangan terbuka dan berpandangan jauh supaya lebih memahami dan lebih menghormati kelainan budaya dalam dunia ini |

Contoh 1: Kesepadan Standard Kandungan dengan Standard Pembelajaran dalam Subjek BM

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Kognitif (C) | Psikomotor (P) | Afektif (A) |
|--|---|--|---|--|
| | | Ca III Menguasai aspek morfologi dalam bahasa Melayu | Pd II Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara dengan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks | Ab I Kaedah pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk menguasai dan mengukuhkan pembelajaran kendiri dan pembelajaran sepanjang hayat |
| 2.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dan pembentukan kata dengan betul mengikut konteks | Dapat memahami dan membezakan kata nama am dan kata nama khas | Dapat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dengan betul dalam penulisan | Dapat menghayati kepentingan penggunaan kata nama am dan kata nama khas dengan betul dalam kehidupan harian | |

Contoh 2: Kesepadanan Standard Kandungan dengan Standard Pembelajaran dalam Subjek BM

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Kognitif (C) | Psikomotor (P) | Afektif (A) |
|--|-----------------------|---|---|--|
| | | Cb II Memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai jenis petikan grafik dan bukan grafik | Pd VI Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap | Aa I Berminat dan berkeyakinan dalam pembelajaran bahasa Melayu |
| 1.4.4 Merumuskan pelbagai bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis | | Dapat mengenal pasti maklumat untuk menulis perenggan pendahuluan rumusan | Dapat menguasai teknik menulis perenggan pendahuluan rumusan | Dapat memupuk keyakinan dalam penulisan |

8. Cadangan Pengajaran dan Pembelajaran

Cadangan peruntukan waktu dalam pembelajaran Bahasa Melayu Menengah Rendah (SMPC) setahun 40 minggu.Seminggu lima waktu dan sewaktu 40 minit. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu TMR digalakkan melakukan pembelajaran berpusatkan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah ini membolehkan pelajar berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan dan kebolehan sendiri. Seterusnya, guru harus berani menghadapi perubahan dalam kaedah pengajaran iaitu daripada pengajaran tradisional kepada kaedah pengajaran abad ke-21. Dengan ini, pelajar dapat membina keyakinan dalam pembelajaran mereka supaya pembelajaran mereka lebih berkesan dan berhasil.

Pendekatan bertema dipilih untuk dijadikan Standard Kandungan Bahasa Melayu Menengah Rendah (SMPC) supaya lebih memenuhi cita rasa, keperluan, kesesuaian, kemudahbacaan, kebolehbacaan kumpulan sasaran. Selain itu, melalui pengajaran dan pembelajaran bertema kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa, serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat disepadukan dan dikukuhkan.

8.1 Pembelajaran berdasarkan Projek

Kaedah ini melibatkan pelajar mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersempahkan hasilnya. Seterusnya, dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran pelajar. Akhirnya, dapat juga membantu pelajar lebih bermotivasi dalam pembelajaran kerana berpeluang menghasilkan sesuatu produk atau projek.

8.2 Pembelajaran Koperatif

Kaedah pengajaran dan pembelajaran(P&P) dalam kumpulan yang membolehkan pelajar saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Seterusnya, dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran pelajar serta sikap pembelajaran pelajar dalam setiap kumpulan. Akhirnya, dapat juga menghasilkan tugas kumpulan, mewujudkan interaksi, semangat bekerja sepasukan dan latihan kepimpinan.

8.3 Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Kaedah ini dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan pelajar kerana setiap pelajar mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.Seterusnya, dapat membantu guru mencungkil bakat pelajar yang merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-atematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Akhirnya,bakat-bakat pelajar yang merangkumi lapan kecedasan ini dapat dikembangkan atau dapat dicungkil.

8.4 Pembelajaran Kontekstual

Kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu dan masyarakat. Seterusnya, dapat membantu guru menilai perkembangan

atau kualiti pembelajaran pelajar. Akhirnya, pelajar dapat menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati apa yang dilakukan.

8.5 Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar di samping mengembangkan kemahiran sosial dan insaniah. Seterusnya, dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran pelajar serta sikap pembelajaran pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Akhirnya, pelajar dapat menjalankan pembelajaran luar bilik darjah dengan baik iaitu secara terancang dan terstruktur.

8.6 Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Kaedah ini membolehkan pelajar berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan atau kebolehan sendiri. Seterusnya, guru harus berani mengalami perubahan terutamanya dalam kaedah pengajaran iaitu daripada kaedah pengajaran tradisional kepada kaedah pengajaran Abad ke-21. Akhirnya, pelajar dapat membina keyakinan berbahasa dalam pembelajaran mereka.

8.7 Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri

Kaedah ini merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berpusatkan pelajar secara menyeluruh. Seterusnya, guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing pelajar melalui aktiviti seperti aktiviti soal jawab. Akhirnya, pelajar dapat mencari dan menyelidik sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analisis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin.

8.8 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran ini perlu diajarkan kepada pelajar supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Seterusnya, kemahiran ini membolehkan pelajar meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah. Akhirnya, pelajar berupaya mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

8.9 Pembelajaran Akses Kendiri

Satu program yang membolehkan pelajar belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Pelajar diberikan peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan sendiri. Akhirnya, mereka akan bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

8.10 Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan ini mewujudkan situasi yang santai dan berhibur untuk membolehkan pelajar mencapai sesuatu kemahiran berbahasa. Antaranya melalui aktiviti bercerita, lakonan, simulasi, melukis komik, lagu, muzik, filem, serta seni kreatif dan sebagainya.

8.11 Pendekatan Bertema

Melalui pengajaran dan pembelajaran (P&P) bertema, kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa, serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat disepadukan dan dikukuhkan.

9. Cadangan Pentaksiran

Pentaksiran merupakan proses yang mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan pelajar terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan. Pentaksiran melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam membuat pertimbangan secara konsisten ke arah menambah baik pengajaran dan pembelajaran tersebut. Pelaksanaan pentaksiran yang betul akan memberi gambaran yang jelas tentang penguasaan pelajar terhadap Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum. Semua maklumat yang diperoleh dari pentaksiran bukanlah bertujuan untuk perbandingan atau persaingan antara pelajar. Sebaliknya maklumat tersebut hendaklah digunakan untuk membantu pihak sekolah dan ibu bapa untuk merancang tindakan susulan ke arah menambah baik penguasaan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran.

Pentaksiran bahasa Melayu TMR boleh dijalankan secara bersemuka atau dalam talian. Pentaksiran ini boleh disampaikan dalam pelbagai bentuk seperti ujian bertulis, ujian lisan, kuiz, laporan, pembentangan, projek mini, main peranan, persempahan dan rakaman video pendek. Pentaksiran dijalankan secara holistik atau secara menyeluruh terhadap pelajar-pelajar dengan merangkumi domain kognitif, domain psikomotor dan domain afektif.

Standard Prestasi (Kognitif, Psikomotor, Afektif)

| Domain | Perkara | Peringkat | Standard Prestasi |
|-------------------|-----------------------------|-----------------|--|
| Kognitif (C) | Ca Sistem Bahasa | 1. Mengingati | Mengingat kembali atau mengenal pasti golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat |
| | | 2. Memahami | Menjelaskan dan membezakan golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat |
| | | 3. Mengaplikasi | Mengaplikasikan dan meneliti golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat |
| | | 4. Menganalisis | Menganalisis dan mengkategorikan golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat |
| | | 5. Menilai | Menilai dan memilih golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat |
| | | 6. Mereka cipta | Menulis ayat daripada golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat |
| | Cb Pengetahuan Bahasa | 1. Mengingati | Mengingati format petikan dan maklumat yang dipelajari |
| | | 2. Memahami | Membezakan dan mengenal pasti format petikan dan maklumat yang dipelajari |
| | | 3. Mengaplikasi | Menggunakan format petikan dan maklumat dalam penulisan dengan betul dan tepat |
| | | 4. Menganalisis | Menganalisis dan mengkritik format petikan dan maklumat yang diperlukan dalam penggunaan bahasa |
| | | 5. Menilai | Menilai dan menyemak format petikan dan maklumat yang diperlukan dalam penggunaan bahasa |
| | | 6. Mereka cipta | Mengarang dan mencipta sesebuah wacana dengan menggunakan format petikan dan maklumat dengan betul dan tepat |

| | | | |
|--|------------------------|-----------------|---|
| | Cc Budaya Bahasa | 1. Mengingati | Menyebut semula maklumat budaya bahasa yang dipelajari |
| | | 2. Memahami | Menjelaskan ciri-ciri budaya bahasa yang dipelajari |
| | | 3. Mengaplikasi | Membina dan mengubah suai budaya bahasa yang dipelajari |
| | | 4. Menganalisis | Menganalisis dan mengkritik budaya bahasa yang dipelajari |
| | | 5. Menilai | Memilih dan membuat kesimpulan terhadap budaya bahasa yang dipelajari |
| | | 6. Mereka cipta | Mengarang dan mencipta budaya bahasa baharu |

| Domain | Perkara | Peringkat | Standard Prestasi |
|---------------------|------------------------------|-----------------|---|
| Psikomotor (P) | Pa Kemahiran Mendengar | 1. Meniru | Meniru cara penyampaian pelbagai bahan atau ujaran yang disampaikan |
| | | 2. Manipulasi | Mendapat maklumat dan memberikan respons terhadap bahan atau ujaran yang disampaikan |
| | | 3. Ketepatan | Mendapat maklumat lengkap dan memberikan respons yang tepat terhadap bahan atau ujaran yang disampaikan |
| | | 4. Artikulasi | Mendapat maklumat lengkap dan memberikan respons yang tepat terhadap bahan atau ujaran yang disampaikan |
| | | 5. Naturalisasi | Memberikan tindakan secara spontan dan rasional mengikut bahan yang diperdengarkan |
| | Pb Kemahiran Bertutur | 1. Meniru | Mengikuti sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila |
| | | 2. Manipulasi | Menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila |
| | | 3. Ketepatan | Mempraktikkan sebutan dan intonasi dengan betul dan tepat secara santun dan bertatasusila |

| | | | |
|----------------------------|----------------------------|-----------------|--|
| | | 4. Artikulasi | Mengujarkan susunan kata dan ayat secara spontan, betul dan tepat mengikut konteks secara santun dan bertatasusila |
| | | 5. Naturalisasi | Menyampaikan ujaran secara fasih, spontan, dan tepat mengikut konteks secara santun dan bertatasusila |
| Pc Kemahiran Membaca | Pc Kemahiran Membaca | 1. Meniru | Meniru cara penyampaian pelbagai bahan bacaan dengan sebutan yang jelas |
| | | 2. Manipulasi | Membaca dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul |
| | | 3. Ketepatan | Membaca dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul serta memahami maklumat dalam bahan bacaan |
| | | 4. Artikulasi | Membaca dengan sebutan yang jelas, intonasi yang betul dan lancar serta memberikan respons yang rasional |
| | | 5. Naturalisasi | Membaca secara esktensif pelbagai bahan dan memahami maklumat tersurat dan tersirat dalam bahan bacaan |
| Pd Kemahiran Menulis | Pd Kemahiran Menulis | 1. Meniru | Menyalin maklumat daripada pelbagai bahan yang diberikan dengan betul |
| | | 2. Manipulasi | Mengubah suai maklumat daripada pelbagai bahan yang diberikan dengan betul |
| | | 3. Ketepatan | Menyampaikan maklumat dengan menggunakan ayat yang betul dan gramatis |
| | | 4. Artikulasi | Menyampaikan maklumat dengan menggunakan ayat yang betul, rasional dan gramatis mengikut konteks |
| | | 5. Naturalisasi | Menghasilkan bahan tulisan yang mantap mengikut konteks |

| Domain | Perkara | Peringkat | Standard Prestasi |
|--------------------------|---|----------------------|--|
| Afektif (A) | Aa Berminat dalam Pembelajaran dan Berkeyakinan dalam Pembelajaran | 1. Menerima | Mempelajari bahasa Melayu secara rela |
| | | 2. Respons | Menjawab soalan-soalan bahasa Melayu dengan penuh gigih dan yakin |
| | | 3. Menilai | Rela berkongsi cara-cara pembelajaran bahasa Melayu dengan orang lain |
| | | 4. Mengorganisasikan | Mengenal pasti kelemahan diri dalam pembelajaran bahasa Melayu dan sedia membaiki kelemahan tersebut |
| | | 5. Menghayati Nilai | Bertindak mengubah sikap orang lain yang tidak berminat dalam pembelajaran bahasa Melayu |
| | Ab Pembelajaran Kendiri dan Pembelajaran Sepanjang Hayat | 1. Menerima | Pembelajaran bahasa Melayu secara rela walapun sudah tamat persekolahan |
| | | 2. Respons | Membawakan sikap minat pembelajaran bahasa Melayu ini pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat |
| | | 3. Menilai | Memilih latihan-latihan, kursus-kursus, dan ceramah serta bengkel dalam bahasa Melayu secara giat mengikut keperluan diri |
| | | 4. Mengorganisasikan | Melengkapi diri dengan pelbagai ilmu bahasa Melayu |
| | | 5. Menghayati Nilai | Menunjukkan kepercayaan dan keyakinan diri ketika belajar bahasa Melayu |
| | Ac Pandangan Terbuka dan Pandangan Jauh | 1. Menerima | Menyatakan isu-isu yang berkaitan dengan bahasa Melayu secara terbuka dan berpandangan jauh |
| | | 2. Respons | Menyumbangkan pelbagai jenis karya dalam bahasa Melayu yang mempunyai pandangan terbuka dan berpandangan jauh dalam masyarakat dan negara serta pentas dunia |

| | | | |
|--|--|----------------------|--|
| | | 3. Menilai | Mengundang pakar-pakar bahasa atau celik-celik bahasa sama-sama untuk mencetuskan idea-idea dan menyumbangkan pendapat secara terbuka dan berpandangan jauh dalam bidang bahasa Melayu |
| | | 4. Mengorganisasikan | Mengintegrasikan ilmu, kemahiran dan nilai dalam Bahasa Melayu supaya dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat dan dunia luar |
| | | 5. Menghayati Nilai | Mempertimbangkan idea dan pendapat diri terhadap bidang Bahasa Melayu adalah berpandangan terbuka dan berpandangan jauh |

Contoh 1: Kesepadan Standard Kandungan dengan Standard

Pembelajaran dan Standard Prestasi dalam Subjek BM

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran | Kognitif (C) | Psikomotor (P) | Afektif (A) |
|--|---|---|---|--|
| | | Ca III Menguasai aspek morfologi dalam bahasa Melayu | Pd II Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara dengan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks | Ab I Kaedah pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk menguasai dan mengukuhkan pembelajaran kendiri dan pembelajaran sepanjang hayat |
| 2.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dan pembentukan kata dengan betul mengikut konteks | Dapat memahami dan membezakan kata nama am dan kata nama khas | Dapat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dengan betul dalam penulisan | Dapat menghayati kepentingan penggunaan kata nama dan kata nama khas dengan betul dalam kehidupan harian | |
| Standard Prestasi | Dapat menjelaskan dan membezakan golongan kata, pembentukan kata dan pelbagai jenis ayat dengan betul dan tepat (C2 Memahami) | Dapat menyampaikan maklumat dengan menggunakan ayat yang betul dan gramatis (P3 Ketepatan) | Dapat berkongsi cara-cara pembelajaran bahasa Melayu dengan orang lain | (A3 Menilai) |

Contoh 2: Kesepadan Standard Kandungan dengan Standard

Pembelajaran dan Standard Prestasi dalam Subjek BM

| Standard Pembelajaran Standard Kandungan | Kognitif (C) | Psikomotor (P) | Afektif (A) |
|---|--|---|---|
| Cb II Memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai jenis petikan grafik dan bukan grafik | Pd VI Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap | Aa I Berminat dan berkeyakinan dalam pembelajaran bahasa Melayu | |
| 1.4.4 Merumus pelbagai bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis; | Dapat mengenal pasti maklumat untuk menulis perenggan pendahuluan rumusan | Dapat menguasai teknik menulis perenggan pendahuluan rumusan | Dapat memupuk keyakinan dalam penulisan |
| Standard Prestasi | Dapat menggunakan format petikan dan maklumat dalam penulisan dengan betul dan tepat (C3Mengaplikasi) | Dapat menyampaikan maklumat dengan menggunakan ayat yang betul, rasional dan gramatis mengikut konteks (P4 Artikulasi) | Dapat menjawab soalan-soalan bahasa Melayu dengan penuh gigih dan yakin (A2 Menanggapi) |

10. Pelaksanaan

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan Menengah Rendah Satu, Menengah Rendah Dua, dan Menengah Rendah Tiga ditulis mengikut Kurikulum Standard Bahasa Melayu TMR SMPC 2021. Keempat-empat kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, dan pengetahuan bahasa, sastera serta budaya yang tersenarai dalam Kurikulum Standard Bahasa Melayu disusun atur mengikut kesesuaian daripada tahap mudah kepada tahap sukar berdasarkan susunan unit dengan harapan kemahiran, pengetahuan dan nilai tersebut dapat dipelajari secara beransur maju.

Bahan pengajaran dan pembelajaran tingkatan menengah rendah (TMR) adalah mengandungi buku teks, buku aktiviti, buku panduan guru dan pelajar. Bagi Bahan pembelajaran tambahan akan dimuatnaik ke Platform Dong Zong E- Pembelajaran (<https://dongzong.my/elearning/>). Terdapat lapan tema yang akan disampaikan dalam buku teks, iaitu;

- i. Kesihatan dan Kebersihan,
- ii. Literasi Bahasa dan Komunikasi
- iii. Pengiktirafan Negara dan Kepelbagaian Warisan
- iv. Jati Diri, Patriotisme, dan Kewarganegaraan
- v. Sains, Teknologi dan Inovasi
- vi. Perspektif Global dan Pelestarian Alam
- vii. Sikap Gigih dan Nilai-nilai Positif
- viii. Kemanusiaan

Daripada **8 tema** ini, **16 unit** pembelajaran telah dihasilkan. Kesemua unit ini disusun mengikut aras pengetahuan sedia ada pelajar. Unit pembelajaran ini juga disusun secara ansur maju bagi memudahkan pelajar menguasai ilmu daripada aras mudah kepada aras yang lebih mencabar.

Bahan rangsangan disediakan dalam **setiap unit** dengan tujuan melatih pelajar bertutur dalam bahasa Melayu supaya kemahiran bertutur pelajar dapat dikuasai sepenuhnya dan dipertingkatkan. Pelajar juga harus dilatih supaya berani berucap di hadapan orang ramai.

Elemen kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diberikan penekanan semasa penyediaan soalan kefahaman sama ada soalan petikan bebas, petikan dalam buku teks dan petikan komsas akan disediakan **soalan KBAT**. Elemen ini berupaya untuk melahirkan insan yang dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni ketika membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Dalam usaha meningkatkan, membudayakan dan melatih kemahiran berfikir ke arah menghasilkan pelajar berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif, bahan dalam

bentuk kepelbagaiannya **peta pemikiran** disediakan. Antaranya termasuklah Peta Buah Berganda, Peta Pokok, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi. Halaman peta pemikiran tersebut akan disediakan untuk membolehkan pelajar melengkapkan peta pemikiran berdasarkan setiap petikan kefahaman yang dibaca. Dengan ini, kemahiran membaca pelajar dapat dikuasai sepenuhnya dan dipertingkatkan.

Halaman rangsangan setiap unit dalam buku teks disertakan dengan **peribahasa** dan maksudnya. **Objektif Pembelajaran** juga disertakan dalam setiap halaman rangsangan supaya pelajar mengetahui dan memahami pengajaran dan pembelajaran yang ingin disampaikan dalam unit tersebut. Selain itu, guru juga jelas dan memahami pengajaran dan pembelajaran yang hendak disampaikan kepada pelajar. Dengan ini, objektif pengajaran dan pembelajaran antara guru dengan pelajar akan tercapai.

Teknologi **Kod QR** juga digunakan khususnya untuk memuatnaikkan bahan bantu belajar, terutamanya bagi bahan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, **Kod QR** ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks yang terdiri daripada **nota penting**, **info bestari** dan sebagainya.

Sesuai dengan ciri pengajaran dan pembelajaran abab ke-21, buku teks ini menjadikan aktiviti pembelajaran bahasa Melayu lebih luwes, lebih aktif, mencabar, kreatif, dan kemahiran berfikir ditekankan, serta menyeronokkan. Yang lebih utamanya, buku teks ini dapat membantu pelajar lebih yakin dan terampil berbahasa serta berupaya untuk berkomunikasi bagi memenuhi tuntutan diri dan negara.


10.1. Cadangan untuk Pembangunan dan Penggunaan Sumber

Sumber mata pelajaran bahasa Melayu merangkumi bahan pengajaran, peralatan pengajaran, perpustakaan, muzium audio visual, pusat membeli-belah, Internet, dan lain-lain. Sumber bahan, dan sumber manusia seperti guru, pelajar, ibu bapa, dan pakar-pakar dalam sektor pendidikan. Antara berikut boleh dijadikan sebagai rujukan untuk pengembangan dan penggunaan sumber pengajaran kurikulum;

- i. Platform Dong Zong E- Pembelajaran (<https://dongzong.my/elearning>)
- ii. komuniti
- iii. ibu bapa
- iv. alumni
- v. Profesional pendidikan (contohnya: kuliah khas, perkongsian pengalaman)
- vi. Surat khabar, majalah, TV, radio, Internet dan media lain
- vii. Pengajaran rentas sekolah (misal: Video pengajaran sastera Melayu dan sebagainya yang dikongsi oleh sekolah)

11. Lampiran 1

Domain Kognitif, Psikomotor, dan Afektif



12. Lampiran 2

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Menengah Rendah

| Tema | Unit | | |
|--|--|--|---|
| | Menengah Rendah Satu (buku teks BM baharu 2024) | Menengah Rendah Dua (buku teks BM baharu 2025) | Menengah Rendah Tiga (buku teks BM baharu 2026) |
| Tema 1:Kesihatan dan Kebersihan | Unit 1: Pemakanan Seimbang Kesihatan Terjamin Unit 2: Kehidupan Norma Baharu (bersihkan hatimu) | Unit 1: Mencegah Lebih Baik daripada Mengubati Unit 2: Kehidupan Norma Baharu (gaya hidup sihat dan berkualiti) | Unit 1: Bantu Diri Anda (penyakit berbahaya) Unit 2: Pesan Doktor |
| Tema 2 : Literasi Bahasa dan Komunikasi | Unit 3: Indahnya Bahasa Kita Unit 4: Komunikasi Menjamin Kesejahteraan Hidup | Unit 3: Bahasa Ada di Mana-Mana Unit 4: Komunikasi Menjamin Kebahagiaan Hidup | Unit 3: Mari Semarakkan Karnival Bahasa Unit 4: Indah Sastera, Cantik Bahasa (Sastera Maya) |
| Tema 3: Pengiktirafan Negara dan Kepelbagaian Warisan | Unit 5: Khazanah Kesenian Bangsa Unit 6: Indahnya Budaya Kita | Unit 5: Citra Bangsa (Pakaian Tradisional Pelbagai Kaum di Malaysia) Unit 6: Tautan Seni Subur Harmoni (Seni Pertahanan diri Pelbagai Kaum di Malaysia) | Unit 5: Warna-warni Budaya (alat muzik tradisional pelbagai kaum di Malaysia.) Unit 6: Pantang Larang Usah dilupakan (pelbagai kaum di Malaysia) |
| Tema 4: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan | Unit 7: Rakyat Berjasa Negara Terbilang Unit 8: Jasamu Pemimpin (Yap Ah Loy) | Unit 7: Semarak Negara (Penulis Kebangsaan Nusa: Usman Awang) Unit 8: Jasamu Barisan Hadapan | Unit 7: Fikir Dahulu Sebelum Bertindak (Etika Penggunaan kata-kata di Alam Maya) Unit 8: Integriti Tinggi, Sahsiah Terpuji |
| Tema 5: Sains, Teknologi dan Inovasi | Unit 9: Masyarakat Kreatif dan Inovatif (dalam negara) Unit 10: Manfaatkan Kemajuan | Unit 9: Masyarakat Kreatif dan Inovatif (luar negara) Unit 10: Manfaatkan Kemajuan | Unit 9: Malaysia Boleh (Pencipta Pemacu, Pencipta pelitup muka) |

| | Teknologi (dalam negara) | Teknologi (luar negara) | Unit 10: Sinar Baharu Hidupmu (Inovasi 5G) |
|--|---|---|--|
| Tema 6: Perspektif Global dan Pelestarian Alam | Unit 11: Hijaukan Bumi Kita Unit 12: Selamatkan Bumi Kita | Unit 11: Terbuang Menjadi Terbilang Unit 12: Kembali kepada Alam | Unit 11: Pembangunan Lestari Unit 12: Pembangunan Bandar Lestari |
| Tema 7: Sikap Gigih dan nilai-nilai positif | Unit 13: Sikap Terpuji (di sekolah) Unit 14: Bijak Menggunakan Wang | Unit 13: Sikap Terpuji (dalam masyarakat) Unit 14: Bijak Memilih Memang Berbelanja (melalui talian) | Unit 13: Sikap yang perlu dipupuk untuk memupuk jati diri remaja Unit 14: Anda Prihatin, Anda Selamat |
| Tema 8: Kemanusiaan | Unit 15: Sejarah Mengajar Erti Kehidupan Unit 16: Seni Warisan Anak Bangsa | Unit 15: Sekolah Menengah Persendirian Cina Tertua di Malaysia Unit 16: Juadah Bangsa Terbilang di Dunia | Unit 15: Terima Kasih, Guru Unit 16: Semangat Waja (kekurangan bukan halangan) |

13. Lampiran 3

Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Tingkatan Menengah Rendah

| Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Satu Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Satu bertujuan membolehkan pelajar mencapai objektif berikut: | Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Dua Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Dua bertujuan membolehkan pelajar mencapai objektif berikut: | Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Tiga Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Tiga bertujuan membolehkan pelajar mencapai objektif berikut: |
|---|---|---|
| <p>1.0 Kemahiran Mendengar</p> <p>1.1 Mendengar, mengenal sebutan dan intonasi kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan ayat tunggal, dan ayat majmuk, dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks;</p> <p>1.2 Mendengar dan memahami maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah, ayat tunggal, ayat majmuk, dan ungkapan dengan betul dan tepat mengikut konteks;</p> <p>1.3 Mendengar, memahami dan memperoleh maklumat, fakta dan idea dalam pelbagai jenis ujaran dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna;</p> <p>1.4 Mendengar dan mencatat nota dengan isi dan fakta dengan betul dan tepat.</p> | <p>1.0 Kemahiran Mendengar</p> <p>1.1 Mendengar, mengenal sebutan dan intonasi kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan, dan ayat dalam pelbagai ujaran dengan betul tepat dan jelas mengikut konteks;</p> <p>1.2 Mendengar dan memahami maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan ayat tunggal, dan ayat majmuk dengan betul dan tepat mengikut konteks;</p> <p>1.3 Mendengar dan memahami maklumat dalam pelbagai ujaran dengan memberikan respons yang betul dan bertatasusila;</p> <p>1.4 Mendengar, memahami, dan menyusun panduan, tunjuk cara, dan arahan dengan memberikan respons yang sesuai dan bermakna.</p> | <p>1.0 Kemahiran Mendengar</p> <p>1.1 Mendengar dan memahami maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;</p> <p>1.2 Mendengar dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang tepat, bermakna dan bertatasusila;</p> <p>1.3 Mendengar, memahami, dan memperoleh maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna mengikut konteks;</p> <p>1.4 Mendengar, memahami dan menganalisis maklumat yang terdapat dalam pelbagai wacana serta memberikan respons yang tepat, bermakna dan bertatasusila.</p> |

| | | |
|--|--|---|
| <p>2.0 Kemahiran Bertutur</p> <ul style="list-style-type: none"> 2.1 Berbual tentang kegiatan harian dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila; 2.2 Mengemukakan soalan dan jawapan yang sesuai dan tepat dalam perbualan secara bertatasusila; 2.3 Menyampaikan pendapat dalam bentuk, isi, fakta, dan maklumat dengan menggunakan ayat yang gramatis dan bertatasusila; 2.4 Berbincang dan berunding untuk mencapai sesuatu persetujuan secara rasional dan bertatasusila; 2.5 Bertutur mengikut situasi yang diberi secara bertatasusila; 2.6 Menerangkan sesuatu secara jelas, tepat, dan bernes; 2.7 Berbual tentang sesuatu isu dengan menggunakan sebutan yang betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila. | <p>2.0 Kemahiran Bertutur</p> <ul style="list-style-type: none"> 2.1 Berbual tentang kegiatan harian dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila; 2.2 Mengemukakan pelbagai soalan dan memberikan jawapan yang sesuai dan tepat dalam perbualan secara bertatasusila; 2.3 Menyampaikan pendapat dalam bentuk isi, fakta, dan maklumat yang tepat dengan menggunakan ayat yang gramatis dan bertatasusila; 2.4 Berbincang dan berunding untuk mendapatkan penjelasan dan persetujuan tentang sesuatu perkara; 2.5 Bertutur mengikut situasi yang dihadapi secara bertatasusila; 2.6 Menerangkan dan mengulas sesuatu secara jelas, tepat dan bernes; 2.7 Berbual dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu isu dengan menggunakan sebutan yang betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila. | <p>2.0 Kemahiran Bertutur</p> <ul style="list-style-type: none"> 2.1 Berbual tentang kegiatan harian dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila; 2.2 Mengemukakan pelbagai soalan dan memberikan jawapan yang sesuai dan tepat untuk penyelesaian masalah secara bertatasusila; 2.3 Menyampaikan pendapat dalam bentuk isi, fakta, dan maklumat yang tepat, bermakna dan kritis dengan menggunakan ayat yang gramatis dan bertatasusila; 2.4 Berbincang dan berunding untuk mencapai sesuatu persetujuan secara rasional dan bertatasusila; 2.5 Bertutur mengikut situasi yang dihadapi secara spontan dan bertatasusila; 2.6 Menerangkan dan mengulas serta membentangkan sesuatu secara jelas, tepat, dan bernes; 2.7 Berbicara untuk menganalisis maklumat yang didengar, ditonton atau dibaca dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila. |
|--|--|---|

| | | |
|---|--|---|
| <p>3.0 Kemahiran Membaca</p> <p>3.1 Membaca rencana, petikan, bahan rangsangan dan karya sastera secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul;</p> <p>3.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan betul;</p> <p>3.3 Membaca dan memahami maklumat dalam petikan atau bahan grafik dengan betul, tepat dan bernas;</p> <p>3.4 Membaca secara ekstensif bagi mengukuhkan kelancaran membaca dengan menggunakan teknik bacaan yang betul;</p> <p>3.5 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan bacaan bagi memperkaya kosa kata dan meluaskan serta menambah ilmu pengetahuan.</p> | <p>3.0 Kemahiran Membaca</p> <p>3.1 Membaca rencana, petikan, bahan rangsangan, dan karya sastera secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta lancar;</p> <p>3.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, maksud ayat , maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan betul dan tepat;</p> <p>3.3 Membaca, memahami,dan menaakul maklumat petikan dan bahan grafik dengan betul, tepat, dan bernas;</p> <p>3.4 Membaca secara ekstensif bagi mengukuhkan kelancaran membaca dengan menggunakan teknik bacaan yang betul dan tepat;</p> <p>3.5 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dan ungkapan menarik serta memahami bahan bacaan.</p> | <p>3.0 Kemahiran Membaca</p> <p>3.1 Membaca rencana, petikan, bahan rangsangan, dan karya sastera secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta fasih;</p> <p>3.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, maksud ayat, maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan menggunakan teknik bacaan yang betul dan tepat;</p> <p>3.3 Membaca, memahami, menaakul, dan mengulas maklumat petikan dan bahan grafik dengan betul, tepat, dan bernas;</p> <p>3.4 Membaca secara ekstensif bagi mengukuhkan kelancaran membaca dengan menggunakan teknik bacaan yang betul, tepat dan fasih;</p> <p>3.5 Membaca secara esktensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk mengukuhkan penguasaan kosa kata dan ungkapan menarik serta memahami dan menghayati bahan bacaan.</p> |
|---|--|---|

| | | |
|---|---|--|
| <p>4.0 Kemahiran Menulis</p> <ul style="list-style-type: none"> 4.1 Menulis untuk menerangkan maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah dan ungkapan dengan betul mengikut konteks dan tahap; 4.2 Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara dengan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks; 4.3 Merumus pelbagai bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis; 4.4 Menghasilkan sesuatu prosa secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat dan gramatis mengikut konteks dan tahap; 4.5 Mengolah maklumat dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis; 4.6 Mengenal pasti dan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa dalam ayat; 4.7 Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap. | <p>4.0 Kemahiran Menulis</p> <ul style="list-style-type: none"> 4.1 Menulis untuk menerangkan maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah dan ungkapan dengan betul mengikut konteks dan tahap; 4.2 Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara secara terancang dengan menggunakan bahasa yang tepat dan menarik; 4.3 Merumus pelbagai bahan dengan betul menggunakan ayat yang gramatis; 4.4 Menghasilkan sesuatu prosa atau karya secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan ayat yang gramatis dan menarik mengikut konteks dan tahap; 4.5 Mengolah maklumat dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis dan menarik; 4.6 Mengenal pasti dan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal perenggan; 4.7 Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap. | <p>4.0 Kemahiran Menulis</p> <ul style="list-style-type: none"> 4.1 Menulis untuk menerangkan maksud kata, frasa, rangkai kata, istilah dan ungkapan dengan betul mengikut konteks dan tahap; 4.2 Menulis untuk menerangkan sesuatu perkara secara terancang dengan menggunakan bahasa yang tepat dan menarik; 4.3 Merumus pelbagai bahan dengan betul menggunakan ayat yang gramatis; 4.4 Menghasilkan sesuatu prosa atau karya secara terancang, tertib, logik, kritis, kreatif, dan kemas dengan menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan yang menarik mengikut konteks dan tahap; 4.5 Mengolah maklumat dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis dan menarik; 4.6 Mengenal pasti dan membetulkan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal perenggan. 4.7 Menguasai format dan teknik penulisan mengikut konteks dan tahap. |
|---|---|--|

| | | |
|---|--|--|
| <p>5.0 Sastera dan Budaya</p> <p>5.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut tahap;</p> <p>5.2 Memahami ciri-ciri puisi moden dan puisi tradisional;</p> <p>5.3 Memahami dan menghayati karya sastera dari aspek maksud, sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional;</p> <p>5.4 Mempersembahkan prosa dan puisi dalam pelbagai media secara kreatif, menarik, dan berkesan;</p> <p>5.5 Mengenali pengarang dan hasil karya pengarang;</p> <p>5.6 Memahami kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum;</p> <p>5.7 Membaca dan memahami pelbagai prosa dan puisi serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat;</p> <p>5.8 Membaca dan memahami makna pelbagai teks sastera untuk menaakul dan meneroka maksud keseluruhan</p> | <p>5.0 Sastera dan Budaya</p> <p>5.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut tahap;</p> <p>5.2 Memahami ciri-ciri puisi moden dan puisi tradisional;</p> <p>5.3 Memahami dan menghayati karya sastera dari aspek maksud, sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional;</p> <p>5.4 Mempersembahkan prosa dan puisi dalam pelbagai media secara kreatif, menarik, dan berkesan;</p> <p>5.5 Mengenali pengarang dan hasil karya pengarang;</p> <p>5.6 Memahami dan menghayati kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum;</p> <p>5.7 Membaca dan memahami pelbagai prosa dan puisi serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat;</p> <p>5.8 Membaca dan memahami makna pelbagai teks sastera untuk menaakul dan meneroka maksud keseluruhan</p> | <p>5.0 Sastera dan Budaya</p> <p>5.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut tahap;</p> <p>5.2 Memahami ciri-ciri puisi moden dan puisi tradisional;</p> <p>5.3 Memahami dan menghayati karya sastera dari aspek maksud, sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional;</p> <p>5.4 Mempersembahkan prosa dan puisi dalam pelbagai media secara kreatif, menarik, dan berkesan;</p> <p>5.5 Mengenali pengarang dan hasil karya pengarang;</p> <p>5.6 Memahami dan menghayati kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum;</p> <p>5.7 Membaca dan memahami pelbagai prosa dan puisi serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat;</p> <p>5.8 Membaca dan memahami makna pelbagai teks sastera untuk menaakul dan meneroka maksud keseluruhan dan</p> |
|---|--|--|

| | | |
|--|--|--|
| <p>tersurat dan tersirat;</p> <p>5.8 Membaca dan memahami makna pelbagai teks sastera untuk menaakul dan meneroka maksud keseluruhan dan maklumat baharu;</p> <p>5.9 Menghayati dan menghargai Ilmu kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum.</p> <p>6.0 Pengetahuan Bahasa: Morfologi dan Sintaksis</p> <p>6.1 Morfologi</p> <ul style="list-style-type: none"> 6.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dan pembentukan kata dengan betul mengikut konteks; 6.1.2 Memahami dan menggunakan kata banyak makna, kata hampir sama makna, penggunaan kata yang tepat dengan betul mengikut konteks; 6.1.3 Memahami dan menggunakan peribahasa dan ungkapan menarik | <p>dan maklumat baharu;</p> <p>5.9 Menghayati dan menghargai ilmu kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum.</p> <p>6.0 Pengetahuan Bahasa: Morfologi dan Sintaksis</p> <p>6.1 Morfologi</p> <ul style="list-style-type: none"> 6.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dan pembentukan kata dengan betul mengikut konteks; 6.1.2 Memahami dan menggunakan kata banyak makna, kata hampir sama makna, penggunaan kata yang tepat dengan betul mengikut konteks; 6.1.3 Memahami dan menggunakan | <p>maklumat baharu;</p> <p>5.9 Menghayati dan menghargai ilmu kebudayaan dan kepercayaan pelbagai kaum.</p> <p>6.0 Pengetahuan Bahasa: Morfologi dan Sintaksis</p> <p>6.1 Morfologi</p> <ul style="list-style-type: none"> 6.1.1 Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dan pembentukan kata dengan betul mengikut konteks; 6.1.2 Memahami dan menggunakan kata banyak makna, kata hampir sama makna, penggunaan kata yang tepat dengan betul mengikut konteks; 6.1.3 Memahami dan menggunakan |
|--|--|--|

| | | |
|---|---|---|
| <p>dalam komunikasi dan penulisan dengan betul, tepat, dan mengikut konteks;</p> <p>6.1.4 Memahami dan menggunakan imbuhan awalan, dengan betul mengikut konteks.</p> | <p>peribahasa dan ungkapan menarik dalam komunikasi dan penulisan dengan betul, tepat, dan mengikut konteks;</p> <p>6.1.4 Memahami dan menggunakan imbuhan akhiran, apitan dan imbuhan sisipan dengan betul mengikut konteks.</p> | <p>dan ungkapan menarik dalam komunikasi dan penulisan dengan betul, tepat, dan mengikut konteks;</p> <p>6.1.4 Memahami dan menggunakan imbuhan, dan imbuhan pinjaman dengan betul mengikut konteks.</p> |
| <p>6.2 Sintaksis</p> <p>6.2.1 Memahami dan membina pelbagai jenis ayat dengan betul mengikut konteks;</p> <p>6.2.2 Memahami struktur binaan ayat tunggal;</p> <p>6.2.3 Membina ayat tunggal yang gramatis;</p> <p>6.2.4 Memahami dan menggunakan tanda baca dengan betul mengikut konteks.</p> | <p>6.2 Sintaksis</p> <p>6.2.1 Memahami dan membina pelbagai jenis ayat dengan betul mengikut konteks;</p> <p>6.2.2 Memahami dan membina ayat tunggal dan ayat majmuk pelbagai jenis ayat dengan tepat mengikut konteks;</p> <p>6.2.3 Mengesan dan membetulkan kesalahan umum dalam sesuatu ayat;</p> <p>6.2.4 Memahami dan menggunakan tanda baca dengan betul mengikut konteks.</p> | <p>6.2 Sintaksis</p> <p>6.2.1 Memahami dan menggunakan pelbagai jenis ayat dengan betul mengikut konteks;</p> <p>6.2.2 Mengesan dan membetulkan kesalahan umum tatabahasa dengan betul mengikut konteks;</p> <p>6.2.3 Membina dan menukar struktur ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks;</p> <p>6.2.4 Memahami dan menggunakan tanda baca dengan betul mengikut konteks.</p> |

14. Lampiran 4

Penerangan Pelbagai Jenis Pentaksiran

a) Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*Assessment For Learning*)

Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat yang diperoleh daripada pentaksiran ini boleh digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam pengajaran ke arah meningkatkan pembelajaran pelajar dan tahap penguasaan mereka. Berdasarkan tujuan ini, pentaksiran ini juga dikenali sebagai pentaksiran diagnostik.

Satu contoh pentaksiran untuk pembelajaran ialah aktiviti soal jawab dijalankan oleh guru semasa sesuatu pengajaran dijalankan. Tujuan soal jawab itu adalah untuk mengenal pasti pengetahuan, kemahiran dan nilai pelajar. Maklumat yang diperoleh dari aktiviti soal jawab itu membantu guru meneruskan PdP dan merancang pelaksanaan PdP seterusnya.

b) Pentaksiran Sebagai Pembelajaran (*Assessment As Learning*)

Pentaksiran sebagai pembelajaran berlaku apabila pelajar membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing. Ini membolehkan mereka memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa-apa yang mereka patut lakukan bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran. Pentaksiran sebagai pembelajaran terdiri daripada **pentaksiran kendiri** dan **pentaksiran rakan sebaya**. Maklumat dari pentaksiran ini memberi petunjuk kepada murid tentang tahap penguasaan mereka dalam pembelajaran.

i. Pentaksiran Kendiri

Pentaksiran kendiri berlaku apabila pelajar menilai kerja mereka sendiri berdasarkan bukti dan kriteria yang jelas bagi tujuan meningkatkan prestasi masa depan. Pentaksiran kendiri merupakan kaedah pentaksiran yang berkesan untuk menilai tahap pembelajaran akademik pelajar pada akhir tempoh pengajaran.

Kaedah pentaksiran ini menggalakkan pelajar untuk lebih melibatkan diri dan bertanggungjawab dalam pembelajaran sendiri, di samping memupuk minat mereka dalam pembelajaran. Kaedah pentaksiran ini dapat membantu pelajar untuk memikir dan menilai prestasi, tahap penguasaan, kemajuan, pencapaian, kekuatan dan kekurangan diri sendiri secara refleksi.

ii. Pentaksiran Rakan Sebaya

Pentaksiran rakan sebaya memberi peluang kepada pelajar untuk belajar dalam pasukan atau kumpulan, berkomunikasi antara satu sama lain dan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dengan bertanggungjawab. Kaedah ini dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran dan melahirkan rasa kepunyaan terhadap proses pentaksiran.

Dalam kaedah ini pelajar berpeluang membuat pentaksiran yang sewajarnya terhadap rakan sebaya. Di samping itu, ia membolehkan guru menilai pelajar dari segi kemahiran berkomunikasi dan sosialisasi semasa mereka berinteraksi sesama rakan sebaya dalam kerja berpasukan.

c) Pentaksiran Tentang Pembelajaran (Sumatif)

Pentaksiran tentang pembelajaran berlaku pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran. Lazimnya pentaksiran tersebut berlaku dalam bentuk ujian sumatif. Pentaksiran tentang pembelajaran juga boleh berlaku dalam bentuk pembentangan hasil projek. Maklumat dan data yang diperoleh dari ujian sumatif atau pentaksiran tentang pembelajaran ini seharusnya ditangani secara positif dalam proses pembelajaran pelajar.

Semua data pentaksiran bukan bertujuan untuk perbandingan antara pelajar. Tujuan data atau skor ujian sumatif ini perlu digunakan untuk membantu guru, ibu bapa dan pihak sekolah untuk meningkatkan tahap penguasaan pelajar. Di samping itu, guru juga menggunakan data untuk merancang dan melaksanakan strategi yang lebih konstruktif dan bermakna dalam menggalakkan penglibatan aktif pelajar dalam pembelajaran, memajukan pembelajaran mereka pada masa hadapan, seterusnya meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Ianya bukan bertujuan untuk perbandingan antara murid. Maklumat dan data dari pentaksiran sumatif ini juga boleh menjadi petunjuk asas kepada pencapaian pelajar terhadap sesuatu tajuk sebelum beralih kepada tajuk atau pelajaran seterusnya.

14. Lampiran 5

Cadangan Aktiviti Pembelajaran Abad ke-21

- a) Meja Bulat
- b) Pembentangan Hasil Sendiri
- c) Main Peranan
- d) Fikir Pasang Kongsi
- e) Deklamasi sajak/ nyanyian
- f) Jalan Galeri
- g) Peta Pemikiran
- h) Sumbang saran
- i) Simulasi

Senarai Rujukan

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 1.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 2.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 3.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018. Panduan Pendekatan Modular dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017. Kurikulum Standard Sekolah Menengah(KSSM) Kerangka Kurikulum Mata Pelajaran: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012. Program i-THINK Membudayakan Kemahiran Berfikir: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

<https://www.ibo.org/programmes/primary-years-programme/>

<https://www.ibo.org/programmes/diploma-programme/curriculum/language-and-literature/>

<http://www.moe.gov.cn/srcsite/A26/s8001/202002/W020200226602559993835.pdf>

https://www.k12ea.gov.tw/files/class_schema/%E8%AA%B2%E7%B6%B1/9-%E8%8B%B1%E8%AA%9E%E6%96%87/9-1/

<https://www.moe.gov.sg/-/media/files/primary/malay-primary-2015.pdf?la=en&hash=3D78EE4296AEA86D7B640415CFC0C36BCF2C391F>